



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## LAWATAN KERJA YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA KE LALUAN PERSEKUTUAN FT059, JALAN TAPAH – CAMERON HIGHLANDS DI DAERAH BATANG PADANG, NEGERI PERAK

**Tapah** – YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya telah mengadakan Lawatan Kerja ke beberapa lokasi penyelenggaraan cerun dan jalan di Jalan Tapah – Cameron Highlands selaras dengan tanggungjawab utama Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu penyelenggaraan cerun di sepanjang Jalan Persekutuan di seluruh negara.

Bagi tahun **2019**, sebanyak **10 lokasi** penyelenggaraan cerun secara kerja pembaikan (*corrective works*) dan **59 lokasi** secara kerja pencegahan (*preventive works*) telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dengan jumlah anggaran kos sebanyak **RM 19.4 juta** di Jalan Tapah – Cameron Highlands ini.

Dalam lawatan kerja tersebut, YB Baru Bian dan rombongan di bawa melalui laluan Persekutuan FT059 Jalan Tapah – Cameron Highlands di Daerah Batang Padang, Perak serta berkesempatan melawat dua lokasi kerja penyelenggaraan cerun iaitu Seksyen 36 dan Seksyen 17.9 yang dilaksanakan Kementerian ini.

Kerja-kerja pembaikan ini menunjukkan komitmen Kementerian untuk terus memastikan keselamatan pengguna jalan raya bukan sahaja di Jalan Tapah – Cameron Highlands (FT059) malah di seluruh Negara sentiasa terjamin menerusi kerja-kerja penyelenggaraan jalan dan cerun yang telah dan akan dilaksanakan.

Laluan Persekutuan FT059 Jalan Tapah – Cameron Highlands merupakan jalan utama yang akan terus diberikan perhatian oleh KKR termasuklah jalan alternatif iaitu laluan FT185 Jalan Simpang Pulai – Blue Valley – Lojing – Gua Musang dan laluan FT102 Jalan Pos Betau – Lembah Bertam untuk menuju ke Cameron Highlands.

Bagi tahun **2018**, KKR telah menyiapkan kerja penyelenggaraan cerun runtuh di **1 lokasi** secara kerja pembaikan (*corrective works*) dan di **30 lokasi** secara kerja pencegahan (*preventive works*) dengan jumlah kos sebanyak **RM 9.3 juta** di sepanjang Jalan Tapah – Cameron Highlands yang menghubungkan Daerah Batang Padang, Perak dan Daerah Cameron Highlands, Pahang.

Berdasarkan Belanjawan tahun 2019 yang telah diluluskan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 20 juta di bawah peruntukan KKR untuk kerja penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia. Kementerian Kewangan (MOF) turut memberi jaminan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM 90 juta lagi untuk kerja penyelenggaraan cerun di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kk.gov.my

Di samping itu, bagi mengurangkan risiko kejadian runtuh cerun, Kementerian Kerja Raya turut melaksanakan kerja-kerja penilaian dan pemetaan tahap bahaya dan risiko cerun di sepanjang Jalan Persekutuan melalui pengumpulan data dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini seperti teknologi LIDAR (*Light Detection and Ranging*) serta pembangunan Sistem Amaran Awal dan Masa Nyata / *Early Warning System* (EWS) agar tanda-tanda awal keruntuhan cerun dapat diketahui dan maklumat berkaitan dapat disebarkan untuk keselamatan pengguna jalan raya di kawasan terlibat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**18 JANUARI 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my